

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

SHAH ALAM

Laporan Kajian Kertas Kerja Projek

PAD 355

" PEMBANGUNAN PELANCONGAN DAN KOTA TINGGI "
KESANNYA KE ATAS SOSIO-EKONOMI
MASYARAKAT SETEMPAT.

DISEDIAKAN OLEH :

1. NOOR AZIZAN BIN ABDUL MAJID (89276292)
2. MD. NASAIR BIN MD. NOH (89308778)
3. NORLIZAWATI BT. ABDUL AZIZ (89368934)
4. RAJA NOR ALEZA BT. RAJA ALANG ISMAIL (89322928)

DISEDIAKAN :

SEBAGAI SATU SYARAT BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM
INSTITUT TEKNOLOGI MARA

14HB. APRIL 1992

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	i
Prakata	ii
Methodologi Kajian	iii

BAB 1

MUKADDIMAH

Definasi Kajian	1
Objektif Kajian	2

BAB 2

KONSEP DAN TEORI-TEORI PELANCONGAN

Latarbelakang Industri Pelancongan di Malaysia	4
Definasi Pelancongan	7
Konsep Pelancongan	9
Komponen Utama Dalam Pelancongan	10
Peranan Sektor Awam dan Swasta Dalam Pembangunan Pelancongan	14

BAB 3

NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM

Pengenalan	19
Pengenalan Daerah Kota Tinggi	21
Kemudahan infrastruktur yang ada di Kota Tinggi	23

Penghargaan

Setinggi penghargaan ditujukan kepada penyelia kertas projek kami Encik Ibni Radzuan Ibrahim di atas tunjuk ajar beliau sepanjang proses menyiapkan kajian ini.

Ucapan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam memberi segala maklumat yang diberikan untuk menyediakan kertas projek ini. Mereka ialah Puan Norida Dahlan, Penguasa Pelancongan KEJORA; Pegawai Penjaga JKR Johor Tenggara; Encik Halim Abd. Syukor, Pegawai Pelancongan Negeri Johor; YB Dato' Jimmy Low Boon Hong, Pengerusi Pelancongan dan Perumahan Negeri Johor; Encik Ghani, Juruteknik Pejabat Daerah Kota Tinggi; Penolong Pegawai Daerah Kota Tinggi; Jurutera Daerah Kota Tinggi, Kakitangan Pejabat Daerah Kota Tinggi dan Kajian Pengurusan dan Perhotelan, ITM Shah Alam.

Tidak lupa juga rasa terhutang budi yang teramat sangat kepada penduduk-penduduk Bandar Penawar, Sungai Rengit, Pengerang, Punggai dan Bandar Kota Tinggi di atas malumat dan penerangan yang diberikan.

Prakata

Kami mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapatlah disiapkan satu laporan kertas projek yang menggali maklumat-maklumat yang berkaitan dengan industri pelancongan di Kota Tinggi.

Kami berharap agar kajian ini akan dapat memberi gambaran yang jelas tentang teori-teori dalam sektor pelancongan dan aplikasinya dalam situasi sebenar. Kajian ini sedikit sebanyak cuba melihat perkembangan industri pencongan di Kota Tinggi dan kesannya ke atas penduduk tempatan.

Semoga laporan kajian ini akan dapat memberi gambaran yang jelas dan maklumat yang secukupnya kepada para pembaca sekalian.

MUKADDIMMAH

Kesedaran sektor pelancongan boleh menyumbangkan pendapatan yang lumayan kepada kekayaan negara menarik minat kami mengkaji sektor ini agar memberi pulangan yang lebih baik kepada KNK negara. Kita lihat negara jiran Thailand dan Filipina, industri pelancongan menyumbangkan pendapatan tertinggi berbanding dengan sektor lain di kedua buah negara. Fenomena ini patut dicontohi oleh Malaysia yang tak kurang hebatnya dengan kehijauan alam semulajadinya, keindahan Tiomannya dan kecantikan Langkawinya.

i) Definisi tajuk kajian.

Industri Pelancongan semakin berkembang dengan pesatnya pada hari ini. Sumbangannya kepada KDNK negara semakin besar dan tidak ketinggalan ia juga dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Oleh itu kajian ini bermaksud untuk mendedahkan kepada pembaca apakah itu sebenarnya industri pelancongan dan kepentingannya. Daerah Kota Tinggi dipilih kerana ia adalah sebuah kawasan yang sedang membangun dan mempunyai banyak tempat-tempat menarik yang boleh dibangunkan sebagai pusat pelancongan.